

Penjawat awam rasuah ibarat arang mencalar muka

## 'Bersama jaga tepi kain orang'

Oleh **AMREE AHMAD**  
utusannews@mediamula.com.my

**PUTRAJAYA:** Penjawat awam perlu ambil tahu perubahan sikap kakitangan yang terlibat dalam gejala rasuah atau salah guna kuasa sebelum keadaan menjadi parah.

Ingatan itu disuarakan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Tan Sri Mohd. Khairul Adib Abd. Rahman menerusi Amanat Tahun Baharu 2021 yang disiarkan secara maya di sini semalam.

Beliau dalam nada nasihat turut meminta lebih 1.6 juta penjawat awam agar tidak lagi mengamalkan sikap mengelak mahu mengambil peduli perorang buruk rakan sejawatan mereka.

"Kita tidak boleh amal sikap jagan jaga tepi kain orang, malah kita kena perhatikan sekeliling



**MOHD. KHAIRUL ADIB**

kita, jika rosak, maka rosaklah kita dan akhirnya jadi barah sukar dikawal," katanya.

Beliau merujuk banyak kes rasuah yang turut menggemparkan negara dan dilaporkan secara meluas media sepanjang tahun

lepas sehingga mencalar imej perkhidmatan awam dan dipandang negatif.

Ini termasuk isu kad pengenalan kepada warga asing oleh Jabatan Pendaftaran Negara dan skandal staf Jabatan Imigresen hidup mewah kerana melepaskan pendatang asing tanpa izin masuk ke negara ini.

Akhir tahun itu pula katanya, rakyat dikejutkan pula kes kartel daging berlogo halal palsu yang lebih hangat daripada isu kepenatan petugas barisan hadapan yang bekerja keras mengekang Covid-19.

Meskipun beliau menyifatkan mereka sebagai golongan minoriti berbanding majoriti yang masih teguh berpegang kepada prinsip amanah, namun kes segelintir itu ibarat arang yang mencalar muka.

"Bilangan mereka memang

kecil tetapi umpama selumbar halus yang jika dibiarkan boleh jadi nanah yang kemudian hakis pula daging sihat sekelilingnya," jelasnya.

Katanya, permasalahan itu jika tidak dikawal boleh menyebabkan masyarakat menggelarkan agensi tersebut sebagai terkenal dengan pegawai yang korup dan tidak boleh dipercayai.

Beliau menggariskan tiga perkara utama bagi menangani masalah itu meskipun tidak mungkin dapat dihapuskan langsung, sekurang-kurangnya mengecilkan isu tersebut.

"Antaranya, penjawat awam diseru meningkatkan integriti kerana kajian Institut Tadbiran Awam Negara dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia mendapati itulah punca rasuah.

"Misalnya, arahan bekerja dari

rumah, ada penjawat dikesan sengaja mengambil peluang itu untuk pergi santai membeli-belah tanpa ada rasa bertanggungjawab," kata beliau penuh kesal.

Turut digariskan Mohd. Khairul Adib ialah sikap peduli dan tidak tutup mata daripada dibiarkan amalan rasuah atau salah guna kuasa kerana kononnya bimbang dikenakan tindakan pihak atasan.

Sebaliknya, beliau mahu sikap buruk itu diubah segera tanpa rasa takut kerana tiada sesiapa yang akan menjaga perkhidmatan awam kecuali penjawat awam sendiri sebelum terlambat.

Sementara perkara ketiga, setiap jabatan perlu mengemas kini prosedur agar tiada kerenah birokrasi dengan mengutamakan kepantasan bertindak dalam membuat keputusan.